

27 JUL 2002

Mahathir-Smart

MAHATHIR PUJI KECEKAPAN ANGGOTA PASUKAN SMART

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memuji kecekapan anggota pasukan Smart kerana berjaya menyelamatkan seorang anggota payung terjun yang tersangkut pada bumbung Stadium Nasional Bukit Jalil malam ini.

Beliau berterima kasih kepada anggota pasukan Smart kerana telah berjaya menyelamatkan orang yang menghadapi kemalangan.

"Saya bersyukur kerana ahli payung terjun yang lekat pada tiang bumbung stadium telah dapat diselamatkan," katanya semasa berucap pada perhimpunan "Satu Negara Kasih Semua" di stadium itu di sini malam ini.

Peristiwa yang mencemaskan itu, yang turut disaksikan oleh Perdana Menteri serta kira-kira 50,000 penonton yang hadir, berlaku ketika acara terjun bebas oleh seramai 16 anggota pasukan payung terjun Angkatan Tentera Malaysia dari Kem Sungai Udang, Melaka.

Ketika anggota payung terjun mendarat seorang demi seorang, seorang daripada mereka tersasar lalu melanggar bumbung stadium dan terpaksa berpaut pada salah satu tiang penyokong bumbung stadium setinggi kira-kira 100 meter dari tanah.

Anggota pasukan Smart kemudian bergegas ke bumbung stadium dan terus menjalankan usaha menyelamatkan anggota payung terjun itu. Setelah berpaut kira-kira 40 minit, anggota itu kemudian berjaya diselamatkan.

Perdana Menteri berkata: "kita berasa lega kerana apabila berlaku sesuatu kemalangan, kita boleh mengharapkan pertolongan pasukan Smart yang istimewa itu."

Pada majlis itu, pihak penganjur perhimpunan itu, Persatuan Insuran Nyawa Malaysia dan Persatuan Insuran Am Malaysia, masing-masing menyumbang RM50,000 kepada Yayasan Aids Malaysia dan Persatuan Kanser Malaysia.

-- BERNAMA

AKT RHM